



Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Berikutan penularan wabak CoVid-19 yang semakin serius, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin mengajak seluruh umat Islam supaya membaca doa ini ketika selepas solat fardu dan solat sunat.

Doa Mohon Perlindungan Daripada Allah ﷻ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَفْضَلِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْحَلِيمُ الْعَظِيمُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَاوَاتِ السَّبْعِ
وَرَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ بِرَحْمَتِكَ نَسْتَغِيثُ (3x)

اللَّهُمَّ يَا كَاشِفَ الْعَمِّ وَيَا فَارِجَ الْهَمِّ وَيَا مَنْ لِعَبْدِهِ يَغْفِرُ وَيَرْحَمُ وَيَا دَافِعَ الْبَلَاءِ وَالْوَبَاءِ وَالنِّقَمِ، اِدْفَعْ
عَنَّا يَا اللَّهُ، اِدْفَعْ عَنَّا يَا اللَّهُ، اِدْفَعْ عَنَّا يَا اللَّهُ،

يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ كُلِّ بَلَاءٍ وَوَبَاءٍ وَهَمٍّ وَضِيقٍ وَشِدَّةٍ وَنِقْمَةٍ وَفِتْنَةٍ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ، وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ، وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ،

إِصْرَفْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَسَيِّئَ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا مَا عِنْدَكَ بِشَرِّ مَا عِنْدَنَا،

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam kepada semulia-mulia para nabi dan rasul, penghulu kami Nabi Muhammad dan ahli keluarga baginda serta para sahabat seluruhnya.

Tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Lemah Lembut dan Maha Agong. Tiada Tuhan melainkan Allah, Pentadbir Arash Yang Agong. Tiada Tuhan melainkan Allah Tuhan tujuh petala langit dan Pentadbir Arash Yang Agong.

Wahai Yang Maha Hidup, wahai yang berdiri dengan sendirinya, dengan rahmat Engkau (Ya Allah) kami mohon perlindungan (3 x)

Ya Allah ya Tuhan kami, wahai Tuhan yang menyingkapkan segala kegelapan, wahai Tuhan yang melepaskan segala kerunsingan, wahai Tuhan yang mengampunkan dosa bagi sekalian hamba-Nya dan merahmatinya. Wahai Tuhan yang menghalang segala bala bencana, wabak dan keburukan. Hindarkanlah kami Ya Allah, Hindarkanlah kami Ya Allah, Hindarkanlah kami Ya Allah,

Wahai (Tuhan) Pentadbir sekalian alam, (hindarkanlah kami daripada) segala bala, wabak, dukacita, kepayahan, kesukaran, kecelakaan dan fitnah, apa yang terzahir daripadanya dan tersembunyi.

Kami berlindung dengan zat yang mempunyai kemuliaan dan kekuatan. Kami berpegang dengan Pemelihara/Pentadbir kerajaan yang besar. Dan kami menyerahkan diri kepada zat Yang Maha Hidup dan Tidak Akan Mati. Ya Allah hindarkanlah kami daripada bala bencana, wabak penyakit dan kejahatan yang membinasakan. Ya Allah janganlah Engkau halang segala (kebaikan/pertolongan) yang Engkau miliki, kerana kejahatan yang ada pada diri kami.

Cukuplah Allah sebagai penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik pelindung. Tiada daya dan tiada kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agong.

Dan selawat (rahmat) Allah SWT kepada penghulu kami Nabi Muhammad dan ahli keluarga baginda serta para sahabat seluruhnya, dan Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam.

Diterbitkan oleh;

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

22 Mac 2020 / 27 Rejab 1441